

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pemansuhan Akta Anti Berita Tidak Benar [Akta 803] dan bilakah pemansuhan akta ini akan dibentangkan.

**JAWAPAN : YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN,  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan komited untuk memansuhkan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [Akta 803] selaras dengan perubahan dasar Kerajaan bahawa penyebaran berita tidak benar boleh ditangani melalui undang-undang sedia ada.

Dalam hal ini, Bacaan Pertama Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 telah dibentangkan pada 7 Oktober 2019 manakala Bacaan Kedua Rang Undang-Undang tersebut telah diadakan pada 8 hingga 9 Oktober 2019 di Dewan Rakyat. Dewan Rakyat seterusnya meluluskan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 hasil undian belah bahagi selepas dibahas 25 wakil rakyat Kerajaan dan pembangkang. Menerusi undian itu, seramai 92 ahli Parlimen bersetuju supaya akta terbabit dimansuhkan manakala 51 lagi tidak bersetuju.

Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2019 seterusnya dijangka dibahaskan semasa sesi Dewan Negara pada Disember 2019.

Sekian, terima kasih.